

## GARIS PANDUAN PENAMBAHBAIKAN TATACARA PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH ATAS SEBAB KOMPETENSI (MEI 2014)

---

### 1. Latar Belakang Dasar Sediada Mengenai Tempoh Pelanjutan Akibat Kompetensi Sehingga Jun 2014

- 1.1 Mengikut dasar sedia ada sehingga Jun 2014 yang ditetapkan oleh Lembaga Kelayakan Perubatan (LKP), Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang didapati tidak mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam satu-satu posting (termasuklah kemampuan melakukan *tagging*), kes beliau hendaklah dibincang dan diputuskan oleh Jawatankuasa Program Latihan PPS Peringkat Hospital untuk melanjutkan tempoh latihan PPS tersebut. Tempoh pelanjutan pertama adalah selama minima **3 bulan di hospital dan jabatan yang sama**.
- 1.2 Jika didapati pegawai masih tidak kompeten dan tidak dapat diperakukan selepas menjalani **tempoh pelanjutan pertama (4 bulan + 3 bulan = 7 bulan)** akibat masalah kompetensi dan tempoh latihan masih perlu dilanjutkan lagi, maka Jawatankuasa Latihan PPS di hospital berkenaan perlu mengemukakan laporan penilaian prestasi PPS tersebut kepada Urusetia Lembaga Kelayakan Perubatan di Bahagian Perkembangan Perubatan supaya PPS tersebut **ditempatkan ke hospital lain** untuk penilaian **pelanjutan kedua** (iaitu sebagai **penilaian terakhir**) di posting yang sama selama **3 bulan lagi**. Ini bagi memberi peluang secukupnya kepada PPS tersebut di samping dinilai di persekitaran yang baru untuk mengelakkan *bias*.
- 1.3 Sekiranya PPS tersebut masih gagal (**4 bulan + 3 bulan + 3 bulan = 10 bulan**), maka kes beliau akan dikemukakan ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan untuk dibincangkan di mana latihan siswazah PPS tersebut mungkin akan ditamatkan, dan seterusnya perkhidmatan PPS tersebut dengan kerajaan akan ditamatkan.

## 2. Isu dan Cabaran

- 2.1 Maklumbalas daripada Pakar-pakar penyelia PPS, Pengarah Hospital, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Perubatan) dan sebagainya mendapati bahawa tempoh minima bagi pelanjutan PPS yang tidak kompeten perlu dikaji semula. Ini kerana terdapat ramai PPS yang mampu mencapai tahap kompetensi yang memuaskan sebelum tempoh 3 bulan tersebut tamat, manakala terdapat juga segelintir PPS yang memerlukan masa yang lebih panjang.
- 2.2 Proses pentadbiran berkaitan perpindahan ke hospital lain juga turut mengambil masa, kemungkinan boleh mengakibatkan PPS tersebut terpaksa menghabiskan masa yang jauh lebih panjang untuk menamatkan posting tersebut.
- 2.3 Oleh yang demikian, Lembaga Kelayakan Perubatan (Bil. 2/2014) yang bersidang pada 14 April 2014 telah memutuskan supaya dasar mengenai pelanjutan tempoh latihan PPS atas sebab kompetensi dikaji semula dan dimantapkan bagi memastikan ianya lebih teratur dan berkesan.

## 3. Ketetapan Terkini Lembaga Kelayakan Perubatan (Mesyuarat Bil 2/2014 pada 14 April 2014) Mengenai Tempoh Pelanjutan Akibat Kompetensi

- 3.1. Lembaga Kelayakan Perubatan yang bersidang pada 14 April 2014 (Bil 2/2014) telah menetapkan bahawa tempoh pelanjutan latihan PPS **atas sebab kompetensi** dimantapkan seperti berikut (ringkasan seperti dalam carta alir di Lampiran 1A):
  - 3.1.1. Tempoh posting dikekalkan mengikut dasar sedia ada iaitu selama 4 bulan.
  - 3.1.2. Sekiranya PPS tidak mencapai tahap kompetensi yang ditetapkan dalam tempoh 4 bulan bagi satu-satu posting (termasuklah kemampuan melakukan *tagging*), kes beliau hendaklah dibawa kepada Jawatankuasa Program Latihan PPS Peringkat Hospital

untuk membuat keputusan keperluan melanjutkan tempoh latihan PPS.

3.1.3. LKP (Bil 2/2014) telah memutuskan bahawa **tempoh pelanjutan pertama latihan PPS atas sebab kompetensi** adalah **ditambahbaik** daripada tempoh 3 bulan kepada 2-4 bulan mengikut situasi seperti berikut:

- 3.1.3.1. Tempoh minima 2 bulan (4 + 2 bulan); dan
- 3.1.3.2. Sekiranya masih tidak kompeten selama 2 bulan, boleh dilanjutkan sehingga tempoh maksima 4 bulan (4 + 2 + 2 bulan) di hospital yang sama.

3.1.4. Jika didapati pegawai masih tidak kompeten **selepas tempoh maksima 4 bulan** pelanjutan pertama tersebut, maka Jawatankuasa Latihan PPS di hospital/klinik berkenaan perlu mengemukakan laporan penilaian prestasi PPS tersebut kepada Bahagian Perkembangan Perubatan supaya PPS tersebut **ditempatkan ke hospital/klinik lain** untuk menjalani penilaian terakhir (pelanjutan kedua) di posting yang sama selama **minima 3 bulan lagi (4 bulan + 4 bulan + 3 bulan = 11 bulan)** (contoh surat seperti di Lampiran 1B). Ini bagi memberi peluang PPS tersebut dinilai di persekitaran yang baru untuk mengelakkan *bias*. Sekiranya lulus, PPS boleh meneruskan latihan ke posting seterusnya di hospital yang sama di mana beliau menjalani penilaian terakhir tersebut.

3.1.5. Sekiranya PPS tersebut **masih gagal**, Jawatankuasa Latihan PPS di hospital/klinik di mana beliau menjalani penilaian terakhir berkenaan perlu mengemukakan laporan penilaian prestasi PPS tersebut kepada Bahagian Perkembangan Perubatan untuk dipertimbangkan supaya kes beliau dikemukakan ke Mesyuarat Lembaga Kelayakan Perubatan untuk dibincangkan. Sementara menunggu proses tersebut, PPS perlu **dikekalkan di posting semasa** dan terus dibimbing dan dinilai oleh Jabatan dan Pakar Penyelia.

3.1.6. Ketua Jabatan/Pakar penyelia perlulah membuat **laporan lengkap** mengenai prestasi PPS terutamanya berkaitan kompetensi setiap

kali PPS ini perlu dilanjutkan postingnya supaya iaanya teratur, di mana ia perlu mencakupi aspek:

- 3.1.6.1. Pengetahuan
- 3.1.6.2. Kemahiran dan skil klinikal
- 3.1.6.3. Sikap, tanggungjawab serta disiplin sebagai seorang PPS

3.1.7. Bagi PPS yang mempunyai prestasi yang lemah semasa menjalani posting, bimbingan dan tunjuk ajar perlulah diberikan oleh Pakar Penyelia, termasuklah memberi teguran secara bertulis sebelum diputuskan untuk pelanjutan tempoh posting (contoh surat seperti di Lampiran 1C).

3.1.8. Seperti yang ditetapkan sebelum ini, **semua keputusan untuk melanjutkan tempoh latihan PPS adalah dibuat oleh Jawatankuasa Latihan PPS di peringkat hospital, bukannya oleh Ketua Jabatan atau seorang pakar penyelia sahaja dan PPS perlu dimaklumkan juga secara bertulis mengenai keputusan ini 2 minggu sebelum posting tamat** (contoh surat seperti di Lampiran 1D). Ini bagi mengelakkan timbulnya persoalan pada masa hadapan.

3.1.9. Pemilihan hospital untuk menjalani penilaian terakhir adalah ditetapkan oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM di mana biasanya pilihan oleh PPS turut diambil kira tetapi tertakluk kepada beberapa syarat seperti berikut:

3.1.9.1. Hospital/klinik yang lebih besar atau sekurang-kurangnya sama besar dengan hospital/klinik semasa di mana PPS menjalani latihan siswazah.

3.1.9.2. Kekosongan jawatan PPS UD41 di hospital/klinik yang dipilih

3.1.9.3. PPS daripada Hospital/klinik di Sabah dan Sarawak akan ditukarkan ke hospital/klinik dalam kalangan negeri Sabah dan Sarawak sahaja asalkan memenuhi syarat seperti di para (a) dan (b), antara lain bagi mengelakkan kebarangkalian PPS yang “sengaja gagal” supaya dapat ditukarkan ke hospital di Semenanjung Malaysia semasa menjalani penilaian terakhir.

- 3.1.9.4. Pertimbangan mengikut *case-to-case* boleh diberi oleh Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM bagi PPS yang mempunyai masalah kesihatan yang serius, ancaman keselamatan, masalah keluarga yang serius dan lain-lain hal peribadi yang serius; namun hanya atas pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Penempatan dan Pertukaran Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD41, sejajar dengan ketetapan Lembaga Kelayakan Perubatan.
- 3.2. Tempoh pelanjutan latihan PPS yang bukan disebabkan oleh kompetensi adalah mengikut penilaian secara “*case to case*”, misalnya:
- 3.2.1. Buku log yang tidak lengkap:
    - Dilanjutkan sehingga berjaya melengkapkan buku log
  - 3.2.2. Mengambil cuti melebihi tempoh yang dibenarkan (dalam tempoh 4 bulan bagi setiap satu posting):
    - Dilanjutkan untuk menggantikan cuti yang terlebih berkenaan. Namun sekiranya tempoh latihan PPS terputus melebihi 4 bulan, maka PPS tersebut perlu memulakan semula latihan siswazah dari awal (posting pertama).

#### **4. Pelaksanaan**

- 4.1. Garis Panduan Penambahbaikan Tatacara Pelanjutan Tempoh Latihan PPS Atas Sebab Kompetensi ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2014** di semua HLS seluruh Malaysia serta semua Klinik Kesihatan dan Institusi Mental KKM yang terlibat dalam Program PPS.
- 4.2. Bagi PPS yang dilanjutkan tempoh latihan **sebelum** pelaksanaan garis panduan baru ini berkuatkuasa, tatacara atau tempoh pelanjutan latihan mereka adalah **mengikut ketetapan yang lama**.
- 4.3. Susulan pelaksanaan Penambahbaikan Tatacara Pelanjutan Tempoh Latihan PPS Atas Sebab Kompetensi ini, maka tatacara pelanjutan tempoh latihan PPS atas sebab kompetensi seperti dalam Bab 9 (Para 3 dan 4)

Buku Panduan Program Pegawai Perubatan Siswazah (Edisi 2012) adalah dengan ini terbatal.

- 4.4. Semua Pengarah HLS dan Pegawai Kesihatan Daerah (yang terlibat dengan program PPS) hendaklah memaklumkan arahan ini kepada semua ahli Jawatankuasa Latihan PPS di hospital/klinik dan semua Ketua Jabatan yang mengendalikan program PPS supaya ketetapan ini dapat dilaksanakan.

## **5. Pertanyaan dan Maklumbalas**

- 5.1. Adalah dimaklumkan bahawa Garis Panduan ini hanyalah sebagai panduan bagi membantu pelaksanaan pemantapan Program PPS. Susulan itu pihak HLS serta jabatan/disiplin berkaitan bolehlah membuat penyesuaian mengikut keperluan setempat bagi memastikan keberkesanan dan kelancaran program PPS asalkan ianya mengikut garis panduan yang ditetapkan.
- 5.2. Garis Panduan ini adalah dinamik di mana ianya perlu dikemaskini dan ditambahbaik dari semasa ke semasa. Susulan itu, KKM mengalu-alukan sebarang input dan maklumbalas bagi tujuan pemurnian dan penambahbaikan program PPS.

Sebarang pertanyaan atau maklumbalas sila hubungi:


**Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia**  
u/p: (Cawangan Pembangunan Profesional Perubatan)

**No Tel: 03-88831107**

**No Faks: 03-88831105**

**Tarikh: Edisi 1 Jun 2014**

## CARTA ALIR PROSES PELANJUTAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH ATAS SEBAB KOMPETENSI



# [KEPALA SURAT]

CONTOH FORMAT SURAT

Ruj.Kami :  
Tarikh :

Pengarah Perkembangan Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 6, Blok E1, Kompleks E  
62590 Putrajaya  
(up: Cawangan Pembangunan Profesyen Perubatan)

Tuan,

## LAPORAN PRESTASI BAGI PELANJUTAN KEDUA AKIBAT MASALAH KOMPETENSI UNTUK PENILAIAN TERAKHIR DI HOSPITAL LAIN

NAMA : XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX  
JAWATAN : PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH GRED UD41  
NO. KP : YYYYYYY-YY-YYYY

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pegawai seperti di atas telah ditempatkan untuk menjalani latihan siswazah di Jabatan XXXXX Hospital/Klinik Kesihatan XXXXX (posting ke-XX) mulai HH.BB.TTTT sehingga HH.BB.TTTT. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) Hospital XXXXX telah memutuskan bahawa latihan beliau dilanjutkan seperti berikut:

- i. Penilaian pelanjutan pertama (2 bulan pertama) HH.BB.TTTT sehingga HH.BB.TTTT Alasan: Tidak kompeten
- ii. Pelanjutan pelanjutan pertama (2 bulan kedua) HH.BB.TTTT sehingga HH.BB.TTTT Alasan: Tidak kompeten
- iii. Pegawai didapati masih lagi tidak kompeten setelah tempoh 4 bulan Penilaian Pelanjutan pertama dan perlu dilanjutkan lagi.

3. Seperti yang dimaklumkan bahawa Lembaga Kelayakan Perubatan (Bil 2/2014) yang bersidang pada 14 April 2014 telah menetapkan bahawa PPS yang perlu dilanjutkan lagi setelah menjalani tempoh maksima pelanjutan selama 4 bulan, perlulah dinilai oleh pakar di hospital lain untuk tempoh 3 bulan sebagai penilaian terakhir.

4. Bersama ini dikemukakan laporan prestasi dan kronologi perkhidmatan pegawai untuk tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(XxXxXxXxX)

s.k. \_\_\_\_\_

# [KEPALA SURAT]

CONTOH FORMAT SURAT

Ruj.Kami :  
Tarikh :

Dr. XXXXXXXXXX  
Pegawai Perubatan Siswazah UD41  
Jabatan XXXXXXX  
Hospital XXXXXXX

Tuan/Puan,

## **PRESTASI KERJA SEBAGAI PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41 DI JABATAN XXXXX**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditempatkan ke Jabatan ini mulai HH.BB.TTTT sehingga HH.BB.TTTT untuk menjalani latihan siswazah di posting XXXXXX selama 4 bulan (*bagi PPS yang sedang menjalani pelanjutan boleh ditambah*: dan telah dilanjutkan tempoh latihan selama XX bulan atas sebab YYYYYY). Walaubagaimanapun, didapati bahawa prestasi kerja tuan/puan adalah kurang memuaskan terutama dari aspek:

- i. XXXXXX
- ii. XXXXXX
- iii. XXXXXX

3. Susulan itu tuan/puan diminta untuk **meningkatkan prestasi dan komitmen** dalam menjalankan tugas sebagai Pegawai Perubatan Siswazah. Kegagalan berbuat demikian mungkin akan mengakibatkan tempoh latihan tuan/puan dilanjutkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(XxXxXxXxX)  
Ketua Jabatan dan Pakar Perunding Kanan  
Jabatan XXXXXX  
Hospital XXXXXX

s.k. \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

# [KEPALA SURAT]

CONTOH FORMAT SURAT

Ruj.Kami :  
Tarikh :

Dr. XXXXXXXXXX  
Pegawai Perubatan Siswazah UD41  
Jabatan XXXXXXX  
Hospital XXXXXXX

Melalui dan salinan kepada:

Ketua Jabatan  
Jabatan XXXXXXX  
Hospital XXXXXXX

Tuan/Puan,

## **PERAKUAN MELANJUTKAN TEMPOH LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH GRED UD41 (PELANJUTAN PERTAMA)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa tuan/puan telah ditempatkan di Jabatan XXXXX untuk menjalani latihan siswazah di posting ke-XX mulai HH.BB.TTTT hingga HH.BB.TTTT. Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah telah dimaklumkan secara bertulis oleh Ketua Jabatan XXXXX bahawa latihan tuan/puan di Jabatan XXXXX perlu dilanjutkan berdasarkan perkara berikut:

- i. XXXXXX
- ii. XXXXXX
- iii. XXXXXX

3. Susulan itu, bagi menyempurnakan latihan tuan/puan, Jawatankuasa Latihan Pegawai Perubatan Siswazah (Mesyuarat Bil Y/YYYY) memutuskan bahawa latihan tuan/puan perlu dilanjutkan selama YY bulan mulai HH.BB.TTTT hingga HH.BB.TTTT.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

(XxXxXxXxX)  
Pengarah/Timbalan Pengarah XXXXX (Klinikal)  
Hospital XXXXX

s.k. \_\_\_\_\_